



Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) dahulunya dikenali sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM), ditubuhkan pada 14 September 1993, dengan fungsi untuk mengendalikan hal ehwal penterjemahan, kejurubahasaan dan pemindahan maklumat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada 16 Disember 2011, ITNM dijenamakan semula menerusi pengumuman yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Melalui penjenamaan semula ini, Institut Terjemahan & Buku Malaysia diberikan mandat untuk menerbitkan karya asli penulis Malaysia dalam pelbagai genre bagi merancakkan lagi industri penerbitan dan perbukuan negara dengan pembahagian 60% fungsi ITBM ditumpukan kepada penterjemahan manakala 40% untuk penerbitan buku. Dengan objektif strategik kami, dan berpandukan visi yang dipahat, kami mengorak langkah menjadi badan penterjemahan terunggul dan penerbit buku berkualiti, serta komited dengan iltizam untuk melaksanakan empat (4) misi utama kami; mengatasi halangan bahasa dalam penyebaran ilmu pengetahuan bagi melahirkan masyarakat maju; memperkaya dan memperkasa kepustakaan berbahasa Melayu sebagai wahana pemikiran bangsa Malaysia; mengantarabangsakan karya kebangsaan; dan membangunkan modal insan dalam industri penulisan, penterjemahan dan penerbitan buku.

Lettres de Malaisie: Bolehkah dijelaskan secara ringkas aktiviti ITBM mengikut landskap penerbitan di Malaysia?

Mohd Khair Ngadiron: ITBM melaksanakan dua aktiviti utama dalam bidang penerbitan di Malaysia; iaitu penerbitan karya terjemahan dan penerbitan karya asli penulis Malaysia. Dua aktiviti ini dilaksanakan bermula dari proses perolehan manuskrip sehinggalah ia diterbitkan dan dipasarkan ke tangan pembaca. Berbeza pendekatannya dengan penerbit lain di Malaysia, ITBM mendapatkan karya asing terbaik di dunia untuk diterjemahkan ke bahasa kebangsaan dengan kaedah menyertai pelbagai pesta buku antarabangsa. Dalam acara tersebut, ITBM turut melaksanakan strategi memasarkan karya kebangsaan untuk tatapan pembaca antarabangsa melalui usaha sama dengan pelbagai pihak khususnya penerbit antarabangsa.

Terangkan tentang beberapa institusi yang berkaitan dengan promosi sastera di Malaysia, seperti DBP atau MBKM. Apakah perbezaan utama institusi ini dan fungsinya yang saling melengkapi?

Secara dasarnya, ITBM dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mempunyai matlamat yang sama dalam bidang penerbitan, bahasa dan sastera. Dalam bidang penerbitan, ITBM berkongsi aspirasi dengan semua penerbit di Malaysia, iaitu menyasarkan penerbitan buku sebanyak 0.1 peratus setahun daripada jumlah populasi penduduk Malaysia. Ini bermaksud, penerbit di Malaysia perlu menerbitkan sebanyak 28,000 judul baharu setahun untuk pembacaan 28 juta rakyat Malaysia.

Dalam bidang bahasa dan sastera, ITBM mempunyai tanggungjawab yang sama dengan DBP, iaitu memartabatkan bahasa dan sastera kebangsaan di Malaysia dan peringkat antarabangsa. ITBM melaksanakan promosi sastera melalui aktiviti penerbitan karya terjemahan sastera dalam bahasa utama dunia selaras dengan misi ketiganya untuk mengantarabangsakan karya kebangsaan dan melalui penerbitan karya asli penulis Malaysia selaras dengan misi keduanya untuk memperkaya dan memperkasa kepustakaan berbahasa Melayu sebagai wahana pemikiran bangsa Malaysia.

DBP sebagai badan pembina dan perancang bahasa, sastera dan penerbitan mempunyai peranan sebagai penggerak aktiviti kebahasaan, kesusasteraan dan penerbitan. Dalam usaha memperkembangkan bahasa

Melayu, DBP melaksanakan pelbagai program melalui fungsi pengukuhan dasar bahasa kebangsaan, pemantauan, pemupukan, penataran, pekhidmatan dan penyebaran. Pelbagai kegiatan dilaksanakan melalui fungsi-fungsi ini bagi memastikan kedudukan bahasa Melayu terus menjadi mantap sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa perpaduan negara Malaysia. Tiada perbezaan ketara antara dua institusi ini dalam mempromosikan sastera kebangsaan, melainkan ITBM merupakan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan), manakala DBP ialah Badan Berkanun Kerajaan yang juga berada dalam pengawasan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagaimana ITBM. Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) pula merupakan sebuah agensi Kerajaan di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan Malaysia yang berperanan sebagai sebuah badan profesional dan penasihat buku di peringkat kebangsaan. Ahli-ahli Majlis terdiri daripada wakil-wakil daripada beberapa kementerian dan agensi kerajaan, persatuan-persatuan industri buku dan badan-badan bukan kerajaan yang ada hubungan dengan perusahaan dan kemajuan buku serta individu yang dianggap mempunyai kebolehan tertentu untuk menjaga kepentingan Majlis dan membantu untuk mencapai objektifnya. MBKM tidak menerbitkan buku secara aktif sebagaimana ITBM dan DBP.

Di Perancis, anda telah mengadakan kerjasama jangka panjang dengan pihak Les Indes Savantes untuk terjemahan dan penerbitan beberapa karya penulis Melayu. Apakah pendapat anda tentang kerjasama ini?

Sebagai permulaan, kerjasama dengan penerbit Les Indes Savantes membuahkan hasil yang terbaik, kerana karya Malaysia dapat diterjemahkan ke bahasa Perancis untuk pembacaan rakyat Perancis di serata tempat. Kami menasihatkan projek kerjasama ini memberikan manfaat bukan sahaja kepada rakyat Malaysia, malah memberikan pendedahan kepada rakyat Perancis tentang nilai estetika sastera Malaysia. Kerjasama ini juga membuktikan bahawa karya penulis Melayu mendapat tempat di peringkat antarabangsa. Dengan itu, sewajarnya kerjasama ini dikekalkan malah dikembangkan dengan lebih luas lagi. Pihak ITBM juga berharap kerjasama ini akan menjadi contoh dan memberi keyakinan kepada lebih banyak penerbit Perancis lain untuk menjalinkan kerjasama dengan ITBM dalam bidang penerbitan.

Adakah anda mempunyai projek dengan penerbit Perancis lain?

Selain Les Indes Savantes, ITBM turut menjalinkan kerjasama dengan penerbit Editions Arkuiris. ITBM kini dalam rangka untuk menjalinkan hubungan kerjasama dengan penerbit L'Harmattan. Pada masa hadapan, kami menjangka akan lebih banyak usaha sama diadakan dengan penerbit Perancis sama ada untuk menterjemahkan karya Malaysia ke bahasa Perancis mahupun karya Perancis ke bahasa Melayu.

Baru-baru ini pihak ITBM telah menyertai lawatan kerja ke Eropah yang juga meliputi penyertaan ke Pesta Buku Frankfurt. Apakah yang diperoleh daripada lawatan kerja ini, contohnya hubungan kerja baharu atau idea baharu untuk promosi buku ITBM?

ITBM memperoleh banyak manfaat daripada lawatan kerja di La Rochelle, Paris dan Pesta Buku Frankfurt baru-baru ini. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 1, ITBM mempunyai dua matlamat dalam lawatan kerja ke luar negara dan penyertaan dalam pesta buku antarabangsa, iaitu mengantarabangsakan karya Malaysia, dan memperkasa kepustakaan berbahasa Melayu dengan penterjemahan karya terbaik dunia.

Dalam Pesta Buku Frankfurt yang lalu, ITBM telah berjaya memperkenalkan buku Malaysia ke peringkat antarabangsa terutama dalam bidang sastera dan Malaysiana melalui katalog '50 Best Malaysian Titles' terbitan MBKM. Beberapa penerbit luar negara telah menunjukkan minat untuk mengadakan usaha sama

dengan ITBM bagi menterjemahkan karya sastera Malaysia ke bahasa asing termasuklah dalam bahasa Jerman, Perancis, Albania, Czech dan Korea selain memasarkan karya terjemahan dalam bahasa Inggeris. Pertemuan dengan penerbit antarabangsa di Frankfurt juga telah dapat melancarkan urusan berkaitan jual beli hak cipta bagi tujuan penterjemahan judul terkini dalam bahasa asing ke bahasa Melayu. ITBM kini diberi keutamaan oleh penerbit antarabangsa apabila terbitan terkini mereka dimaklumkan melalui e-mel dan katalog, malah mengirimkan manuskrip walaupun buku masih dalam peringkat penerbitan.

Bagaimana pula dengan terjemahan karya sastera Perancis ke dalam bahasa Melayu? Adakah ITBM juga bertanggungjawab untuk aspek terjemahannya?

Perancis mempunyai banyak karya yang terbaik untuk diterjemahkan ke bahasa Melayu. Buat permulaan, ITBM menterjemah dan menerbitkan buku *‘Malaysia-Perancis: Menelusuri Jati Diri’* sebagai pertalian terbaik menghubungkan Malaysia dengan Perancis dari pelbagai aspek, termasuklah sastera. Di dalam buku tersebut, dinyatakan pelbagai budaya dan pemikiran Perancis yang telah diadaptasikan dalam kehidupan rakyat Malaysia.

Selain itu, ITBM kini dalam proses penterjemahan 3 judul buku Perancis ke bahasa Melayu, iaitu, *‘Contes sauvages : Les très curieuses histoires de Kancil le Petit Chevrotain’* dan *‘Histoire du Genre Pantoun’* karya Dr. Georges Voisset dan yang terkini *‘Malaisie’* atau *‘The Soul of Malaya’* karya Henri Fauconnier. ITBM juga dalam proses untuk menterjemahkan karya Dr. Alain Rival dan Dr. Patrice Levang berjudul *‘La palme des controverses’* terbitan Quae Edition ke bahasa Melayu.

Dari segi terjemahannya, semua urusan termasuk kos terjemahan adalah di bawah tanggungjawab ITBM sendiri.

Apakah projek utama yang dirancang untuk tahun 2014, sama ada dalam bahasa Perancis mahupun bahasa-bahasa lain?

Bagi tahun 2014, ITBM merancang untuk menerbitkan lagi karya sastera terbaik Malaysia dalam bahasa Perancis, dan setentunya merancang untuk menterjemahkan karya sastera kontemporari Perancis dalam bahasa Melayu. Kedua-dua projek ini telah dirancang melalui perbincangan antara ITBM dengan beberapa penerbit di Perancis. Sebanyak 6 judul karya yang akan diterbitkan dalam bahasa Perancis pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

BIL	JUDUL ASAL	JUDUL TERJEMAHAN	NAMA PENTERJEMAH	STATUS
1	<i>1515</i> (Faisal Tehrani)	<i>1515</i>	Dr. Monique Zaini-Lajoubert	Akan diterbitkan di Perancis dengan kerjasama Les Indes Savantes.
2	<i>Menghadap ke Pelabuhan</i> (Dr. Zurinah Hassan)	<i>En regardant le port</i>	Jean-Michel Severy	Akan diterbitkan di Perancis dengan kerjasama L’Harmattan.
3	<i>Koleksi Puisi Penyair Abad ke-20</i> (Dr. Georges Voisset)	<i>Le passage de Malacca</i>	Dr. Georges Voisset	Dalam proses pra cetak oleh ITBM untuk diusulkan kepada penerbit Perancis yang berminat untuk bekerjasama dengan ITBM.

4	<i>Koleksi Puisi daripada SN Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh</i>	<i>Et ce Monde aussi est le Mien</i>	Dr. Georges Voisset	Dalam proses pra cetak oleh ITBM untuk diusulkan kepada penerbit Perancis yang berminat untuk bekerjasama dengan ITBM.
5	<i>Pantun Intan Melayu</i>	<i>Pantouns : Le Joyau Malais</i>	Dr. Georges Voisset	Dalam proses pra cetak oleh ITBM untuk diusulkan kepada penerbit Perancis yang berminat untuk bekerjasama dengan ITBM.
6	<i>Imam (SN Dato' Abdullah Hussain)</i>	<i>Imam</i>	Dr. Laurent Metzger	Sedang diterjemahkan oleh Dr. Laurent Metzger.

Selain karya Malaysia diterjemahkan ke bahasa Perancis, pada 2014, ITBM turut mengadakan usaha sama untuk menterjemahkan karya Malaysia ke bahasa-bahasa asing dengan beberapa penerbit luar negara dari Singapura, Indonesia, Thai, China, Taiwan, Jepun dan Jerman.

Projek utama pada 2014 ialah Malaysia telah dipilih untuk menjadi 'Negara Tema' di Tokyo International Book Fair 2014 (TIBF 2014). Sebanyak 9 judul karya Malaysia dirancang diterbitkan dalam bahasa Jepun, selain menerbitkan semula 13 judul karya Jepun yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu. Penerbitan semula karya ini adalah berdasarkan maklum balas yang diterima daripada kalangan perpustakaan di Jepun yang berkecenderungan untuk membuat pembelian balik buku-buku bahasa Jepun yang telah diterjemahkan ke bahasa asing. Pada masa yang sama, pihak ITBM akan turut mempamerkan dan menjual buku sastera kanak-kanak sebanyak 21 judul yang telah diterbitkan dalam bahasa Jepun untuk TIBF 2014.

Karya besar lain yang akan diterbitkan pada tahun 2014 termasuklah karya asli dalam bahasa Melayu berjudul '*Kontrak Sosial Perlembagaan Persekutuan 1957: Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*', dan karya terjemahan ke bahasa Melayu bagi buku '*Britannica Concise Encyclopedia*' dan '*The Conference of the Birds*' karya Farid Ud-Din Attar.

Selain projek ini, ITBM turut menjalinkan kerjasama dengan beberapa agensi lain dalam menterjemah dan menerbitkan buku dalam bahasa asing khususnya untuk tujuan pameran dan jualan di pesta buku antarabangsa seperti di Bologna Children's Book Fair 2014, 30th International Publisher Congress di Bangkok, Thailand, Berlin Tourism Fair 2014, Kuala Lumpur International Book Fair 2014, Frankfurt Book Fair 2014, Hamburg Writer's Festival, Singapore Writer's Festival 2014, China (Shanghai) International Children's Book Fair 2014, Indonesia Book Fair 2014 dan La Rochelle Book Fair 2014.

Apakah karya terjemahan bahasa Perancis terbitan ITBM yang dicadangkan untuk bacaan pembaca Perancis?

Sehingga kini, ITBM telah menterjemahkan sebanyak 6 judul karya Sasterawan Negara Malaysia dan 2 judul pemenang Anugerah SEA Write Award ke dalam bahasa Perancis seperti berikut:

BIL	JUDUL ASAL	JUDUL TERJEMAHAN	NAMA PENTERJEMAH	STATUS
1	<i>Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman</i> (SN Dato' Dr Anwar Ridhwan)	<i>Les derniers jours d'un artiste</i>	Dr. Monique Zaini-Lajoubert	Terbitan bersama ITBM & Les Indes Savantes
2	<i>Rimba Harapan</i> (Keris Mas)	<i>La Jungle de l'espoir</i>	Brigitte F. Bresson	Terbitan bersama ITBM & Les Indes Savantes.
3	<i>Hujan Pagi</i> (A.Samad Said)	<i>Pluie du matin</i>	Dr. Monique Zaini-Lajoubert	Terbitan bersama ITBM & Les Indes Savantes.
4	<i>Saudagar Besar dari Kuala Lumpur</i> (Keris Mas)	<i>Le Grand commerçant de Kuala Lumpur</i>	Brigitte F. Bresson	Terbitan bersama ITBM & Les Indes Savantes.
5	<i>Puitika Sastera Melayu</i> (SN Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh)	<i>La Poétique de la littérature malaise</i>	Dr. Monique Zaini-Lajoubert	Terbitan bersama ITBM & Les Indes Savantes.
6	<i>Juara</i> (SN S. Othman Kelantan)	<i>Le Champion</i>	Fred Suriya	Terbitan oleh ITBM.
7	<i>Sungai Mekong</i> (Latiff Mohidin)	<i>Le Mékong</i>	Brigitte F. Bresson	Terbitan oleh ITBM.
8	<i>Ngayau</i> (Amil Jaya)	<i>Chasseurs de têtes</i>	Brigitte F. Bresson	Terbitan oleh ITBM.

Selain karya di atas, ITBM juga menyarankan supaya pembaca Perancis turut membaca karya yang diusahakan ITBM dengan kerjasama Editions Arkuiris iaitu:

BIL	JUDUL ASAL	JUDUL TERJEMAHAN	NAMA PENTERJEMAH	STATUS
1	<i>Malaisie-France: Un Voyage en Nous-Mêmes</i> (Kumpulan Penulis Perancis)	<i>Malaysia-Perancis Menelusuri Jati Diri</i>	Penterjemah ITBM	Telah diterbitkan pada Julai 2013

Disediakan oleh ITBM
28 November 2013